


12 JUN, 2026

TAPIS KETAT PELABURAN ASING

Harian Metro, Malaysia



Oleh Syarifah Dayana Syed Bakri dan Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid
bisnes@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan Johor menegaskan tidak akan sewenang-wenangnya menerima semua cadangan pelaburan asing, sebaliknya komited meletakkan syarat ketat bagi memastikan setiap projek memberi impak dan nilai tinggi kepada rakyat Johor.


Langkah itu penting bagi membuktikan Johor bukan 'halaman belakang' atau lokasi lambakan industri bagi mana-mana pihak, terutama dalam trend kebanjiran pelaburan berkaitan pusat data ketika ini.

Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, demi memelihara kestabilan sumber asli negeri, Johor secara rasmi menetapkan dasar untuk menolak permohonan pembinaan pusat data di bawah kategori Tier 1 dan Tier 2.

"Kami hanya menerima pelabur yang mahu melabur dalam teknologi yang kurang menggunakan air. Ketika ini terdapat teknologi yang tidak memerlukan penggunaan air yang tinggi bagi tujuan penyjukan, maka penggunaan air tidak sebanyak sebelum ini.

"Bagi aspek tenaga, kami juga mempunyai sumber yang baik. Kami sudah berbin-bincang dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan bagi penggunaan air, kami juga mengadakan perbincangan dengan Ranhill SAJ," katanya ketika kunjungan hormat ke Media Prima di sini, semalam.

Onn Hafiz berkata, bagi melancarkan proses saringan dan pemudah cara, kerajaan negeri sudah me-



DEMI memelihara kestabilan sumber asli negeri, Johor secara rasmi menetapkan dasar untuk menolak permohonan pembinaan pusat data di bawah kategori Tier 1 dan Tier 2.

JOHOR MAHU SETIAP PROJEK BERIMPAK TINGGI

TAPIS KETAT PELABURAN ASING

ngoptimumkan peranan mantau kelulusan setiap Pusat Memudahcara Pelaburan Malaysia di Johor (IMFC-J) sebagai benteng utama menapis profil syarikat.

Malah sebuah pasukan petugas khas turut ditubuhkan yang dianggotai secara khusus oleh tiga Exco Kerajaan Johor bagi me-

"Kombinasi portfolio dalam pasukan petugas ini membabitkan Exco yang bertanggungjawab menjaga portfolio air, elektrik, serta pelaburan negeri yang diterajui Lee Ting Han.

"Apa saja cadangan pe-

laburan yang kami terima, akan disaring terlebih dahulu supaya kita hanya meluluskan pelaburan yang tidak akan menjejaskan penggunaan air dan elektrik," katanya.

Dalam pada itu, Onn Hafiz berkata, kerajaan Johor menggesa supaya pelaksanaan projek Sistem Aliran

Transit Automasi (ART) bertingkat dipercepatkan bagi memastikan negeri itu bersedia menghadapi peningkatan pergerakan penumpang yang dijangka berlaku apabila Sistem Transit Rapid Johor Bahru-Singapura (RTS Link) mula beroperasi.

Katanya, projek itu kekal

sebagai antara penyelesaian jangka panjang paling penting bagi penyuraian trafik dan mobiliti bandar di negeri itu, khususnya apabila RTS Link dijangka mengendalikan kira-kira 10,000 penumpang sejam pada waktu puncak.

Beliau berkata, setakat ini surat anugerah (LOA) bagi projek berkenaan masih belum dikeluarkan, walaupun kerajaan negeri sudah lama menggesa supaya pelaksanaannya dipercepatkan.

"Kami sudah lama memperjuangkan supaya projek ini dilaksanakan. Bukan saya sahaja, malah Sultan Johor sentiasa mengingatkan saya dan Kerajaan Persekutuan untuk mempercepatkan projek ini.

"Tetapi, setakat yang saya tahu, LOA pun belum dikeluarkan lagi. Sebab itu kadang-kadang apabila saya bersuara (mengenai perkara ini), saya dilihat seperti mendesak, tetapi saya mendesak dengan bersebab kerana apabila RTS sudah beroperasi, ia dijangka mengendalikan kira-kira 10,000 penumpang sejam pada waktu puncak.

"Kita sudah ada pelan penyuraian trafik jangka pendek dan saya bersama pasukan juga menjelaskan pelbagai langkah yang akan dilaksanakan. Namun, salah satu faktor yang benar-benar boleh menjadi pemangkin perubahan ialah projek ART bertingkat.

"Sebab itu, proses LOA perlu dipercepatkan dan projek ini perlu diberi perhatian serius," katanya.

Mengulas lanjut, Onn Hafiz berkata, kelewatan melaksanakan projek ART berpotensi meningkatkan tekanan trafik khususnya di kawasan sekitar hab RTS apabila jumlah pengguna pengangkutan awam rentas sempadan meningkat.